

**BAB 5 : KEKAYAAN EKONOMI SABAH MENARIK MINAT SYARIKAT
BORNEO UTARA BRITISH**

- 1 Mengapakah Sultan Brunei menyerahkan kawasan timur laut Brunei kepada Sultan Sulu pada tahun 1704?
 - A Mengekalkan persahabatan
 - B Membantu menewaskan musuh
 - C Mengukuhkan sistem pertahanan
 - D Memudahkan urusan pentadbiran
- 2 Apakah langkah yang diambil oleh Alfred dan Edward Dent untuk membolehkan Persatuan Sementara Borneo Utara British Berhad mendapatkan Piagam Diraja daripada kerajaan British?
 - A Menjual saham kepada rakyat British
 - B Memperkenalkan corak pentadbiran barat
 - C Menguasai lebih banyak kawasan di Sabah
 - D Menyerahkan kuasa pentadbiran kepada British
- 3 Rajah di bawah merujuk kepada perubahan nama syarikat yang mentadbir Sabah pada penghujung kurun ke-19.

1880		1882
Persatuan Sementara Borneo Utara British Berhad	→	Syarikat Borneo Utara British Berhad

Mengapakah penukaran nama tersebut dilakukan?

- A Penganugerahan Piagam Diraja
- B Peningkatan saiz operasi syarikat
- C Pembangunan pesat bidang ekonomi
- D Peningkatan kemasukan pelabur asing

- 4 Apakah kepentingan Piagam Diraja yang dianugerahkan oleh kerajaan British kepada Syarikat Borneo Utara British di Sabah?
- A Menubuhkan kerajaan
 - B Menjamin keselamatan
 - C Mendapat kuasa mentadbir
 - D Menambah modal perniagaan
- 5 Apakah tujuan British menganugerahkan Piagam Diraja kepada Syarikat Borneo Utara British pada tahun 1881?
- A Menjadikan Sabah tanah jajahan British
 - B Menghalang pertapakan kuasa barat lain
 - C Menggabungkan pentadbiran Sabah dan Sarawak
 - D Menyekat perkembangan pengaruh Kesultanan Brunei
- 6 Pemberian piagam kepada Persatuan Sementara Borneo Utara British Berhad mesti memenuhi beberapa syarat.
- Apakah tanggungjawab SBUB ke atas rakyat peribumi Sabah dalam syarat tersebut?
- A Memelihara agama dan adat resam
 - B Memajukan taraf sosial dan ekonomi
 - C Menerima nasihat pembesar tempatan
 - D Menyediakan peluang pekerjaan secukupnya
- 7 Antara syarat-syarat pemberian piagam kepada Persatuan Sementara Borneo Utara British Berhad ialah
- I bebas melantik pegawai pentadbir
 - II memerintah dengan adil dan saksama
 - III mesti menerima nasihat daripada kerajaan British
 - IV penyerahan wilayah Sabah tidak memerlukan persetujuan British
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

8 Pernyataan berikut merujuk kepada jawatan dalam SBBU iaitu

- Dilantik oleh Pengarah
- Dibantu oleh Majlis Penasihat

- A Gabenor
- B Pengerusi
- C Ketua Anak Negeri
- D Lembaga Pengarah

9 Apakah tugas Ketua Anak Negeri dalam pentadbiran Syarikat Borneo Utara British (SBUB) di Sabah ?

- A Menjaga kebajikan buruh
- B Mentadbir jabatan kerajaan
- C Menjamin keamanan rakyat
- D Menyelaras bidang pendidikan

10 Apakah tugas utama Ketua Anak Negeri dalam pentadbiran SBBU?

- I menjaga keamanan
- II memajukan pertanian
- III menasihati Pegawai Daerah
- IV ketua pentadbir di peringkat residensi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 11 Berikut ialah tokoh-tokoh tempatan yang memegang jawatan Ketua Anak Negeri di Sabah.

Tokoh Tempatan
O.K.K. Pangeran Haji Omar
O.K.K. Haji Mohamad Arshad
O.K.K. Pengeran Mohamad Abbas

Mengapakah Syarikat Borneo Utara British (SBUB) melantik mereka?

- A Memberi latihan kepimpinan
 - B Memenuhi tuntutan penduduk
 - C Mengiktiraf pemimpin tempatan
 - D Memahami adat dan budaya tempatan
- 12 Mengapakah SBUB melibatkan penduduk tempatan dalam pentadbiran peringkat daerah dan kampung?

- A Memberikan kemerdekaan
- B Memenuhi syarat pemberian piagam
- C Mengatasi masalah kewangan yang dihadapi
- D Melatih penduduk tempatan dalam pentadbiran

- 13 Jadual berikut berkenaan pelaksanaa undang-undang di Sabah

Mahkamah	Bidang Kuasa	Hakim
Mahkamah Majistret	Mengendalikan kes berat	Pegawai Daerah
Mahkamah Anak Negeri	Mengendalikan kes adat	X

X ialah


- A Residen
 - B Gabenor
 - C Ketua Kampung
 - D Ketua Anak Negeri
- 14 SBUB melaksanakan undang-undang barat dan undang-undang tempatan dalam perjalanan sistem keadilan di Sabah.

Mengapakah SBUB bertindak demikian?

- A Menjaga keamanan negeri
- B Memerlukan sokongan rakyat
- C Mengatasi masalah kewangan

D Memelihara kepentingan pelabur

- 15 Rajah berikut menunjukkan mahkamah di Sabah semasa pemerintahan Syarikat Borneo Utara British pada kurun ke-19



Apakah bidang kuasa Mahkamah Anak Negeri?

- I menghakimi kes jenayah
- II mengendalikan kes syariah
- III membicarakan hal ehwal adat
- IV menggubal undang-undang negeri

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 16 Dialog berikut mungkin berlaku dalam mahkamah semasa pemerintahan SBUB di Sabah.

Pegawai Daerah : Awak didapati bersalah kerana melakukan jenayah rompakan.
En Gugau : Saya faham, tuan hakim.

Mahkamah manakah yang mengadili kesalahan tersebut ?

- A Mahkamah Agung
- B Mahkamah Syariah
- C Mahkamah Majistret
- D Mahkamah Anak Negeri

17 Apakah kesan penggunaan mata wang yang diperkenalkan oleh Syarikat Borneo Utara British pada tahun 1882?

- I menambah pelaburan
- II meninggikan taraf hidup pribumi
- III memudahkan kegiatan perhutanan
- IV meningkatkan pengeluaran hasil tanaman

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

18 Bagaimanakah kegiatan ekonomi tradisional berikut dieksploitasi oleh SBUB untuk mengatasi masalah kewangannya?

- Sarang burung
- Sagu
- Trepang

- A Mengenakan cukai kepada hasil jualan
- B Menghalang penjualan kepada pihak lain
- C Menyekat pengeluaran secara besar-besaran
- D Memaksa penduduk menambahkan pengeluaran

19 Jadual berikut menunjukkan nilai eksport sagu di Sabah.

Tahun	Jumlah
1884	72 417
1885	53 417
1886	93 433

Mengapakah nilai eksport sagu begitu tinggi?

- I galakan dari kerajaan
- II penanaman secara komersial
- III membawa masuk syarikat asing
- IV pelepasan cukai diberi kepada pengusaha

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

20 Senarai berikut menunjukkan kawasan utama sejenis tanaman.

- Pulau Banggi
- Teluk Marudu
- Sandakan

Apakah tanaman tersebut?


- A Sagu
- B Getah
- C Lanut
- D Tembakau

21 Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan penanaman getah di Sabah?

- I kemasukan buruh India
- II pengecualian cukai eksport
- III dividen diberi kepada pengusaha
- IV membawa masuk Syarikat British

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 22 Rajah berikut menerangkan faktor yang menyebabkan getah menjadi hasil eksport utama SBUB.



Faktor X ialah

- A Menyediakan tanah secara percuma
 - B Memberikan dividen kepada pengusaha
 - C Menggalakkan penanaman secara komersial
 - D Menyediakan bantuan modal kepada pengusaha
- 23 Apakah tujuan utama pembinaan landasan kereta api berikut?

Pada tahun 1905, SBUB membina landasan kereta api dari Beaufort ke Jesselton dan dari Tenom ke Malalap.

- A Membangunkan kawasan luar bandar
- B Menghubungkan bandar dengan bandar
- C Mengangkut hasil dari pedalaman ke pelabuhan
- D Menghubungkan pantai barat dengan pantai timur

24 Dialog berikut mungkin berlaku di Sabah pada awal kurun ke-20.

Penduduk tempatan	: Saya telah lulus Sekolah Latihan bagi anak-anak Ketua Anak Negeri.
Pegawai British	: Jika begitu kamu boleh diserap dalam pentadbiran Syarikat Borneo Utara British.

Apakah jawatan yang layak untuk lulusan sekolah tersebut ?

- I Kerani
- II Renjer
- III Residen
- IV Pegawai Daerah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

25 Penyataan berikut merujuk kepada ?

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Ditubuhkan pada tahun 1900 untuk menjamin keselamatan• Dianggotai oleh pegawai polis tempatan |
|--|

- A Skuad Terbang
- B Pasukan Renjer
- C Pasukan tentera
- D Ketua Anak Negeri

26 Penyataan berikut berkaitan dengan bandar?

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Dikenali juga sebagai Elopura• Diasaskan oleh William Pryer |
|--|

- A Kudat
- B Tawau
- C Sandakan
- D Jesselton

27 Peta berikut menunjukkan bandar utama di Sabah.



Apakah faktor yang membantu perkembangan bandar tersebut semasa di bawah pentadbiran Syarikat Borneo Utara British?

- A Pusat tentera
- B Pusat perikanan
- C Pusat pendidikan
- D Pusat pentadbiran

28 Nama tempat berikut merujuk kepada bandar?

- Api-api
- Diasuka
- Singga Mata

- A Kudat
- B Tawau
- C Sandakan
- D Jesselton

29 Rajah di atas menunjukkan perubahan pusat pentadbiran Syarikat Borneo Utara British (SBUB) di Sabah

X		Y
Kudat	→	Sandakan
1881		1884

Mengapakah berlaku perubahan daripada X ke Y ?

- A Keadaan geografi
- B Kepesatan penduduk
- C Kemajuan perdagangan

D Kepentingan pertahanan

30 Jadual berikut menunjukkan pembinaan landasan keretapi di Sabah.

Tahun	Landasan
1896	Landasan keretapi menghubungkan Weston ke Beaufort
1905	Landasan keretapi disambungkan dari Beaufort ke Jesselton dan dari Tenom ke Malalap

Apakah kesan pembinaan landasan keretapi tersebut?

- A Mempertingkatkan taraf hidup pribumi
- B Memudahkan pengangkutan bijih timah
- C Memajukan kegiatan perladangan getah
- D Memudahkan imigrasi golongan pemodal

BIL	JAWAPAN	MUKA SURAT	BIL	JAWAPAN	MUKA SURAT
1	B	101	16	C	108
2	A	103	17	B	108
3	A	103	18	D	109
4	C	103	19	A	111
5	B	104	20	D	111
6	A	104	21	C	112
7	C	104	22	B	112
8	A	105	23	C	112
9	C	106	24	A	115
10	A	106	25	C	116
11	D	107	26	C	117
12	C	107	27	D	119
13	D	108	28	D	118-119
14	A	108	29	A	119
15	C	108	30	B	115